



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2012

**PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN
TUKANG MASAK, ATENDAN KESIHATAN
DAN PEMANDU LOKOMOTIF SABAH**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan nama skim perkhidmatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah sedia ada yang diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2003.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan usaha untuk mengiktiraf, meningkatkan motivasi pegawai dan imej sesuatu perkhidmatan dalam sektor awam, pemakaian nama skim perkhidmatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah didapati tidak lagi relevan dalam mencerminkan keunikan dan fungsi tugas perkhidmatan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah diubah. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkenaan dikekalkan.

PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN

3. Perubahan nama skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut :-

Sedia Ada	Baharu
Tukang Masak	Pembantu Penyediaan Makanan
Atendan Kesihatan	Pembantu Perawatan Kesihatan
Pemandu Lokomotif Sabah	Pemandu Lokomotif

Berikutan dengan perubahan nama ini, skim-skim perkhidmatan lain iaitu skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Jururawat Masyarakat, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Kesihatan Awam yang memperuntuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dari jawatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah turut diubah.

4. Perubahan skim-skim perkhidmatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah adalah seperti di **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C**. Perubahan bekalan KPSL ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Jururawat Masyarakat, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Kesihatan Awam adalah seperti di **Lampiran D**. Format iklan jawatan Tukang Masak, Atendan Kesihatan dan Pemandu Lokomotif Sabah seperti di **Lampiran A1**, **Lampiran B1** dan **Lampiran C1**.

PELAKSANAAN

5. Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam akan membuat perubahan nama skim perkhidmatan yang baharu pada Senarai Perjawatan sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2013**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Tukang Masak yang berkuat kuasa pada 2 Julai 2009 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009, Atendan Kesihatan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2004 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003 dan Pemandu Lokomotif Sabah yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2003 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2003, adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATUK FARIDA MOHD ALI)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Oktober 2012

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2013

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred N17 :	P1	RM927.03	-	RM2,526.03
	P2	RM985.15	-	RM2,662.93
	P3	RM1,044.97	-	RM2,804.68
Gred N22 :	P1	RM2,164.44	-	RM3,321.99
	P2	RM2,325.10	-	RM3,657.02
Gred N26 :	P1	RM2,482.33	-	RM3,496.05
	P2	RM2,719.90	-	RM3,815.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM927.03);atau

(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang penyediaan makanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM1,039.83);
atau

(iii) sijil dalam bidang hotel dan catering daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM1,378.22);
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Penyediaan Makanan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakumkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
8. Pembantu Penyediaan Makanan hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22**
9. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakumkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26**
10. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakumkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
PENYEDIAAN MAKANAN**

11. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N26 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 [Lampiran E - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009, JPA(BPO)(S)324/14/24 Klt.24(52)].

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pembantu Penyediaan Makanan
 (b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan

2. Jadual Gaji

Gred	Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
Gred N17	P1	RM927.03	RM2,526.03
	P2	RM985.15	RM2,662.93
	P3	RM1,044.97	RM2,804.68
Gred N22	P1	RM2,164.44	RM3,321.99
	P2	RM2,325.10	RM3,657.02
Gred N26	P1	RM2,482.33	RM3,496.05
	P2	RM2,719.90	RM3,815.70

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
 (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM927.03);atau

(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang penyediaan makanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: 1,039.83); atau

(iii) sijil dalam bidang hotel dan katering daripada politeknik - politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM1,378.22);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Penyediaan Makanan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2013

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred U3 :	P1	RM801.84	-	RM1,721.72
	P2	RM849.83	-	RM1,810.31
	P3	RM899.66	-	RM1,900.69
Gred U12 :	P1	RM835.06	-	RM2,076.19
	P2	RM932.88	-	RM2,280.91
Gred U14 :	P1	RM1,573.40	-	RM2,353.73
	P2	RM1,700.76	-	RM2,588.19

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan;
 - dan (d) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Perawatan Kesihatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
8. Pembantu Perawatan Kesihatan hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat..
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U12**
9. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U14**
10. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT, PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN, PEMBANTU KESIHATAN AWAM**
11. Pembantu Perawatan Kesihatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003].

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pembantu Perawatan Kesihatan
 (b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

2. Jadual Gaji

Gred	Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
Gred U3	P1	RM801.84	- RM1,721.72
	P2	RM849.83	- RM1,810.31
	P3	RM899.66	- RM1,900.69
Gred U12	P1	RM835.06	- RM2,076.19
	P2	RM932.88	- RM2,280.91
Gred U14	P1	RM1,573.40	- RM2,353.73
	P2	RM1,700.76	- RM2,588.19

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan;
- dan (d) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU LOKOMOTIF**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2013

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred AA13	P1	RM905.20	-	RM2,355.63
	P2	RM947.65	-	RM2,470.04
	P3	RM991.96	-	RM2,590.01
Gred AA17	P1	RM937.28	-	RM2,556.89
	P2	RM997.10	-	RM2,693.65
	P3	RM1,058.63	-	RM2,835.41
Gred AA18	P1	RM937.28	-	RM2,556.89
	P2	RM1,058.63	-	RM2,835.41
Gred AA22	P1	RM1,961.05	-	RM3,354.51
	P2	RM2,121.71	-	RM3,713.39
Gred AA36	P1	RM3,112.99	-	RM5,285.91
	P2	RM3,353.98	-	RM5,856.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (ii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna;
 - (iii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AA17 : RM1,227.86)

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred AA13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) telah lulus latihan dengan ujian pemanduan yang dikendalikan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred AA13, AA17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pemandu Lokomotif yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pemandu Lokomotif boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pemandu Lokomotif dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pemandu Lokomotif yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

9. Pemandu Lokomotif hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA18**

10. Pemandu Lokomotif Gred AA13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA18 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA22**

11. Pemandu Lokomotif Gred A17/ AA18 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred AA22 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA36**

12. Pemandu Lokomotif Gred AA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred AA36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGHULU**

13. Pemandu Lokomotif Gred AA17/18, AA22 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Perbekalan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2003 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2003, JPA(S) 324/15/13-44 (20)]

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pemandu Lokomotif
 (b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pengangkutan

2. Jadual Gaji

Gred	Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
Gred AA13	P1	RM905.20	- RM2,355.63
	P2	RM947.65	- RM2,470.04
	P3	RM991.96	- RM2,590.01
Gred AA17	P1	RM937.28	- RM2,556.89
	P2	RM997.10	- RM2,693.65
	P3	RM1,058.63	- RM2,835.41
Gred AA18	P1	RM937.28	- RM2,556.89
	P2	RM1,058.63	- RM2,835.41
Gred AA22	P1	RM1,961.05	- RM3,354.51
	P2	RM2,121.71	- RM3,713.39
Gred AA36	P1	RM3,112.99	- RM5,285.91
	P2	RM3,353.98	- RM5,856.70

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(ii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna;

(iii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred AA17: RM905.20);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred AA13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- a) telah lulus latihan dengan ujian pemanduan yang dikendalikan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah; dan
 - b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Lokomotif adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

PERUBAHAN PERBEKALAN SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)

SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PERUBAHAN SYARAT KPSL KUAT KUASA 1 JANUARI 2013
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27, C32, C38	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penyelia Asrama dan Tukang Masak adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penyelia Asrama dan Pembantu Penyediaan Makanan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009, JPA(BPO)(S)324/14/24 Klt.24(52).</p>
Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2009 melalui Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2008, JPA(S)(BPO)324/9/39 Klt.2 (30).</p>

SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PERUBAHAN SYARAT KPSL KUAT KUASA 1 JANUARI 2013
Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, U22, U24	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 melalui Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2005.</p>
Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 melalui Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005.</p>